


POLISI KESELAMATAN MAKLUMAT **MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS**

Adalah menjadi dasar Majlis Daerah Cameron Highlands untuk memastikan maklumat diurus dengan betul, terjamin dengan sewajarnya dan dilindungi daripada akibat pelanggaran kerahsiaan, kegagalan integriti atau gangguan akibat ketersediaan maklumat tersebut. Pengurusan MDCH komited untuk memastikan bahawa:

- Kerahsiaan maklumat dilindungi untuk mengelakkan pendedahan maklumat terperingkat atau sensitif;
- Maklumat tersedia dengan gangguan minimum kepada pengguna yang dibenarkan untuk memenuhi keperluan pelanggan dan perkhidmatan;
- Integriti maklumat dikenalpasti untuk memastikan ketepatan dan kesempurnaannya;
- Pendidikan, kesedaran dan latihan keselamatan maklumat akan disediakan kepada pengguna untuk memastikan penglibatan yang bertanggungjawab;
- Semua pelanggaran keselamatan maklumat, sebenar atau disyaki, akan dilaporkan. Semua pengguna mesti memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam mengendalikan insiden keselamatan maklumat;
- Risiko Keselamatan Maklumat, Risiko Keselamatan Siber dan Risiko Privasi Data dikurangkan ke tahap yang boleh diterima melalui Rangka Kerja Pengurusan Risiko Keselamatan Maklumat;
- Kawalan keselamatan & kebenaran yang sesuai akan diselenggara bersama oleh IT, Pusat Tanggungjawab masing-masing dan pihak yang berkaitan dengan MDCH sama ada dalaman atau luaran;
- Sumber yang sesuai diperuntukkan untuk melaksanakan, mengendalikan dan menyemak Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang berkesan;
- Gangguan kepada kemudahan pemprosesan maklumat akan dikurangkan. Kesediaan hendaklah dipastikan melalui ujian tetap berdasarkan risiko semasa;
- Peraturan dan keperluan undang-undang mengenai keselamatan maklumat yang berkaitan dengan MDCH dipenuhi; dan
- Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat sentiasa ditambah baik.

MDCH hendaklah mengikut proses tata tertib formal bagi kakitangan dan pihak yang didakwa telah melanggar dasar dan prosedur keselamatan maklumat.



RUDYFASLA BIN MUHD,AAP.,AMP.
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
29 SEPTEMBER 2025